

Program Sains Kesihatan KLMU: Diploma Teknologi Makmal Perubatan, Kejururawatan, Fisioterapi dan Terapi Carakerja

Melahirkan Graduan yang Berkemampuan untuk Bersaing di Persada Kerjaya Tempatan dan Antarabangsa

Disediakan oleh: Azrina Mazlin Binti Alias

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMU) menawarkan pengajian yang menarik dan relevan bagi memenuhi keperluan gunatnaga intelektual di dalam bidang-bidang Sains Kesihatan dan para-perubatan dengan menentang program **Diploma Teknologi Makmal Perubatan, Diploma Kejururawatan, Diploma Fisioterapi dan Diploma Terapi Carakerja**.

KLMU diterajui oleh tokoh akademik negara yang tersohor, YM Profesor Diraja Ungku A Aziz selaku Canselor.

Jika anda menyimpan cita-cita untuk bekerja di makmal perubatan sebagai pakar bidang forensik jenayah seperti siri kegemaran ramai, *Crime Scene Investigation (CSI)* anda patut memilih bidang pengajian Teknologi Makmal Perubatan.

Diploma Teknologi Makmal Perubatan, adalah profesion di bidang Sains Kesihatan yang meliputi kaedah diagnosis, rawatan dan pencegahan penyakit melalui sampel cecair atau tisu badan, darah, pengiraan sel dan sebagainya menerusi ujian makmal klinikal.

Penawaran program ini membuka lembaran baru bagi para pelajar lepasan SPM / STPM yang berminat menceburi kerjaya di bidang Sains Kesihatan. Menariknya, KLMU menyediakan fasiliti moden dan canggih seperti 10 buah makmal sains, Skills Laboratory, wad simulasi, makmal rehabilitasi yang lengkap, makmal Biomekanik dan Kinesiology yang terkini dan canggih mencapai standard dan piawaian antarabangsa. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terbaru berasaskan Teknologi Maklumat agar graduan KLMU dapat menyesuaikan diri dengan kecanggihan teknologi perubatan masa kini di makmal hospital kerajaan mahupun swasta. Silibus diusahakan oleh Dekan Fakulti Sains Kesihatan KLMU, Dr. Mohdzir Bin Mohd Yasin bersama barisan para pensyarah dan mereka yang arif dan mempunyai nama besar dalam industri serta memiliki ilmu kepakaran di tahap yang tertinggi.



Silibus utama berasaskan disiplin sebenar industri makmal klinikal atau perkhidmatan patologi yang merangkumi subjek-subjek seperti Anatomi, Biokimia Klinikal, Hematologi, Mikrobiologi Perubatan, Sains Transfusi Darah, Sitologi & Histopatologi dan banyak lagi.

Kelebihan graduan Diploma Makmal Perubatan KLMU dilengkapkan dengan kemahiran untuk menghasilkan keputusan makmal dengan pantas, tepat dan jitu untuk tujuan pengdiagnos dan pengurusan rawatan pesakit dengan latihan yang dilakukan secara berterusan. Keputusan yang dihasilkan juga akan dilakukan dengan penuh teliti agar tiada kesilapan yang berlaku kerana Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) bertanggungjawab atas sebarang keputusan ujian makmal yang dihasilkan.

Sebelum tamat pengajian, para pelajar akan ditempatkan di makmal-makmal perubatan kerajaan dan swasta yang ternama di seluruh negara. Manakala yang ingin melanjutkan pengajian mereka ke tahap yang tertinggi boleh memilih untuk mengikuti pengajian di bidang Sains Forensik, Bio-perubatan, Bioteknologi, Bioinformatik, dan seumpamanya bagi menceburi kerjaya di tahap yang lebih memberansangkan.

Fungsi unik kejururawatan adalah membantu klien melakukan aktiviti yang membawa kepada kesihatan serta penyembuhan dalam cara-cara tertentu supaya klien dapat berdaya secepat mungkin.

Virginia Henderson - *Defination of Nursing, 1978.*



Diploma Kejururawatan diperkenalkan untuk mereka yang berminat untuk menceburi profesion sebagai seorang jururawat yang bertauliah dan terlatih. Harapan KLMU graduan yang dilahirkan menerusi program ini akan mengisi kekosongan tenaga jururawat mahir yang diperlukan terutamanya di unit kecemasan dan traumatologi, penjagaan koronari, serta Unit Rawatan Rapi (ICU).

Sains perawatan harus lahir dari jiwa jururawat secara ikhlas dan ju-

jur, elemen inilah yang akan diberi perhatian khusus dengan mendedahkan pelajar kepada subjek **Sains Perawatan, Sains Kesihatan, Sains Tingkahlaku disamping 75% penekanan kepada aspek amali**. Malaysia kini sedang memasuki era peningkatan populasi warga emas. Bagi menghadapi senario ini, KLMU juga menyediakan subjek perawatan Gerontologi di mana pelatih akan diajar mengenai perawatan terutamanya kepada golongan warga emas. Pelajar akan ditempatkan di hospital-hospital kerajaan dan swasta bagi menjalani sesi praktikal. Sebaik tamat pengajian peringkat Diploma, pelajar boleh memilih untuk berkhidmat sebagai jururawat terlatih berdaftar ataupun meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi sehingga ke peringkat doktor falsafah (Ph.D) di IPT dalam dan luar negara.



Perawatan FISIOTERAPI adalah rawatan yang berdasarkan penilaian masalah fizikal pesakit, merancang dan melaksanakan program pemulihan fizikal yang meliputi kaedah-kaedah manual yang spesifik, senaman terapeutik, rawatan elektroterapi, program pendidikan kepada pesakit dan sebagainya.

Bagi yang berminat mempelajari ilmu terapi selain membantu pesakit memulihkan keadaan mereka, anda boleh mengikuti program Diploma Fisioterapi KLMU. Bidang ini menjanjikan peluang pekerjaan yang luas.

Pakar terapi fizikal dipertanggungjawab untuk memberi rawatan pemulihan fizikal sehingga pesakit mencapai tahap keupayaan optimum dalam aktiviti fizikal dalam kehidupan harian. Antara kes-kes yang memerlukan rawatan fisioterapi adalah seperti kepatahan tulang tangan dan kaki (*fracture*), terseliuh (*strain*), asma, pembedahan pintasan



jantung (CABG), menggunakan *prosthesis* (kaki palsu), alat bantuan berjalan dan seumpamanya.

Pakar terapi fizikal terlatih diperlukan untuk proses pemulihan apabila pesakit mengalami kecederaan fizikal seperti terbabat dalam kemalangan dan selepas menjalani sesi pembedahan

akibat penyakit jantung dan strok bagi menguji postur, keseimbangan dan kekuatan termasuk fungsi-fungsi otot. Secara amnya tugas pakar terapi fizikal hanya menyentuh soal fizikal namun bergantung kepada situasi pesakit, kerana sesetengah pesakit memerlukan bantuan dan sokongan moral untuk mereka kembali sembuh sepenuhnya.

Terapi Carakerja atau lebih dikenali dengan *Occupational Therapy* adalah satu profesion kesihatan yang memberi fokus kepada perawatan kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal dan mental serta faktor keuzuran seseorang individu bagi membolehkan mereka berdaya dalam melakukan aktiviti kehidupan harian (*ADL*), menyumbang kepada produktiviti (*Work*) dan melaksanakan serta mempelbagai aktiviti riadah (*Leisure*) untuk mencapai kehidupan yang lebih produktif dan bermakna. Misalnya, memberi latihan semula dengan adaptasi di rumah supaya bersesuaian dengan pesakit misalnya menggunakan kerusi roda, membuat splint dan pakaian *pressure garment* untuk pesakit kemalangan dan terbakar untuk menghalang 'keloid' dari terus terjadi yang mengakibatkan pesakit mengalami masalah pergerakan. Jika bidang ini kena dengan jiwa keinsanan anda boleh mengikuti **Diploma Terapi Carakerja**.

Jika anda memilih untuk bekerja selepas tamat pengajian di peringkat diploma, Juruterapi Perubatan Carakerja adalah antara kerjaya yang boleh diceburi. Tugas ini memerlukan kerjasama yang jitu dengan pesakit, keluarga pesakit, kumpulan perubatan yang lain dan komuniti dalam merealisasikan pendekatan rawatan yang digunakan iaitu pendekatan menyeluruh (*Holistic Approach*). Keluarga terutamanya ibu bapa diberi tunjuk ajar khas bagi menghadapi kenyataan misalnya, anak



HANYA DI KLMU

- Yuran pendaftaran hanya RM100.
- Elaun sara diri sebanyak RM250 sebulan.
- Laptop, kemudahan penginapan dan pengangkutan disediakan
- Potongan yuran pengajian sehingga RM1,000

Tertakluk kepada syarat dan terma sesuatu kursus

BIASISWA
RM 14,000
DISEDIAKAN
Bagi Pengambilan
September 2008



mereka dilahirkan, dijangkiti penyakit atau terlibat dalam kemalangan seperti terbakar anggota badan yang mengakibatkan cacat fizikal dan mental. Di sini tugas seorang Juruterapi Perubatan Carakerja amat diperlukan untuk membuat penilaian lebih praktikal dan menyeluruh bagi mengenal pasti rancangan pendidikan atau rawatan individu yang bersesuaian dengan tahap kecacatan yang dialami. Misalnya teknik terapi *gross motor* untuk mempertingkatkan anggota badan yang lemah, *fine motor* mengatasi masalah penggunaan tangan untuk melakukan sesuatu aktiviti atau memegang sesuatu objek. Teknik terapi ini diaplikasikan kepada kanak-kanak yang mengidap *autisme*, atau bermasalah dalam *attention deficit disorder* dan lain-lain kecacatan berkaitan perkembangan saraf otak.

Lulusan Diploma Fisioterapi dan Terapi Carakerja boleh berkhidmat di pusat-pusat kesihatan, hospital kerajaan dan swasta, pusat fisioterapi, pusat rehabilitasi, pusat kesihatan mental, pusat jagaan kanak-kanak istimewa, rumah penjagaan orang tua, sekolah pendidikan khas, pusat pemulihan dalam komuniti sama ada di dalam mahupun luar negara ataupun membuka pusat penjagaan dan pemulihan harian milik sendiri.

Anda pasti yakin dengan kewibawaan KLMU sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terbaik.

Kunjungi kampus KLMU di alamat Wisma Sachdev, 16-2, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.



www.klm.edu.my

Sila hubungi KLMU di talian bebas tol

1-800-88-5568
Atau
03-2694 2300

SMS

Untuk keterangan lanjut:
SMS ke 32728

KLMU HS <jarak> nama <jarak> emel <jarak> alamat hantar ke 32728

*Caj 50 sen bagi setiap SMS yang diterima